



14 APR, 2025

Pam kawalan gagal berfungsi punca banjir belum surut

Sinar Harian, Malaysia



Pam kawalan gagal berfungsi punca banjir belum surut



Amirudin (kiri) melancarkan Tabung Selangor Prihatin semasa Majlis Tautan Kasih Komuniti Sabak Bernam di Depan seri Nakhoda Simpang Empat, Bagan Nakhoda Omar pada Ahad.

SABAK BERNAM - Beberapa sistem pam kawalan banjir di Selangor dikesan gagal berfungsi menjadi punca kelewatan dalam usaha mengawal air banjir di kawasan yang kritikal.

Menteri Besar Selangor, Datuk Seri Amirudin Shari berkata, perkara itu dikenal pasti disebabkan bekalan elektrik daripada Tenaga Nasional Berhad (TNB) masih belum disambungkan sepenuhnya di kawasan terlibat.

Menurutnya, keadaan itu menjadi punca kelewatan dalam usaha mengawal air banjir terutama di Taman Sri Muda, yang sering terjejas setiap kali hujan lebat.

"Kami akan segera berhubung dengan pihak TNB untuk memastikan bekalan tenaga disalurkan

tanpa lengah.

"Ini penting supaya sistem pam dapat diaktifkan dan bersedia menghadapi sebarang kemungkinan banjir susulan," katanya.

Beliau berkata demikian pada Majlis Tautan Kasih Komuniti Sabak Bernam di Depan seri Nakhoda Simpang Empat, Bagan Nakhoda Omar di sini pada Ahad.

Amirudin berkata, kelewatan penyambungan bekalan elektrik itu menjejaskan kecekapan sistem kawalan banjir yang menjadi benteng utama kepada kawasan berisiko tinggi.

Beliau turut memaklumkan bahawa beberapa projek infrastruktur tempatan berkaitan pengurusan banjir masih diteruskan.

Bagaimanapun, Amirudin me-

negaskan, penyelarasan projek infrastruktur itu perlu dipercepatkan bagi memastikan kesediaan sistem lebih mantap pada masa hadapan.

"Pelaksanaan projek-projek ini memerlukan kerjasama erat dan tindakan pantas antara agensi terbabit.

"Tindakan ini penting supaya kita tidak terus berdepan risiko kerugian dan kesan buruk akibat kelewatan," tambah beliau.

Terdahulu, hujan lebat berterusan sejak malam, pada Khamis menyebabkan beberapa kawasan di sekitar Selangor dilanda banjir kilat dan sekurang-kurangnya 137 mangsa terjejas membabitkan tiga zon utama iaitu Shah Alam, Petaling dan Klang setakat Jumaat.